

**SULIT**  
**1103/1**  
**Bahasa**  
**Melayu**  
**Kertas 1**  
**September**  
**2008**  
**2 1/4 jam**

**1103/1**

j2k

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA**  
**SEKOLAH MENENGAH**  
**NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2008**

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

Dua jam lima belas minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI**  
**SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian, *iaitu Bahagian A dan Bahagian B.*
2. Jawab Soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak  
dan 1 halaman tidak bercetak


**[Lihat sebelah**  
**SULIT**

**1103/1**

**Bahagian A**  
(Masa yang dicadangkan : 45 minit)

[30 markah]

Lihat carta di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang kesan-kesan kenaikan harga minyak (petroleum) di negara kita. Panjang huraian anda antara 200 hingga 250 patah perkataan.



**Bahagian B**  
(Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit)

[100 markah]

Pilih satu daripada soalan-soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya melebihi 350 patah perkataan.

1. Kelulusan akademik semata-mata tidak lagi menjadi penentu kejayaan seseorang pelajar setelah mereka meninggalkan institusi pendidikan formal.  
Berikan pandangan anda tentang kemahiran yang perlu dikuasai oleh seseorang pelajar sebagai pelengkap diri memasuki alam pekerjaan.
  
2. Percutian bersama keluarga mampu mengeratkan kerukunan dan keharmonian kekeluargaan.  
Berdasarkan kebenaran pendapat di atas, jelaskan kebaikan-kebaikan percutian bersama keluarga.
  
3. Kejadian penculikan, penderaan, dan pembunuhan dalam kalangan kanak-kanak yang semakin serius merupakan akibat ketidakprihatinan masyarakat terhadap hal-hal persekitarannya.  
Bincangkan langkah-langkah yang berkesan untuk menyemai sikap prihatin dalam kalangan masyarakat.
  
4. Pemanasan global ialah isu yang dihadapi oleh masyarakat antarabangsa kerana isu ini membawa impak negatif kepada kehidupan sejagat.  
Tulis sebuah rencana tentang kesan-kesan negatif pemanasan global kepada kehidupan sejagat seluruh dunia.
  
5. Karya-karya sastera semakin terpinggir walaupun peranannya besar sebagai citra budaya bangsa.  
Ulaskan faktor-faktor yang menyebabkan karya sastera semakin terpinggir dalam kalangan generasi muda kini.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**SULIT**  
**1103/2**  
**Bahasa**  
**Melayu**  
**Kertas 2**  
**September**  
**2008**  
**2 ½ jam**

**1103/2**

j2k

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA**  
**SEKOLAH MENENGAH**  
**NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2008**

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI**  
**SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Jawapan bagi soalan 2(b), 2(c), 2(d) dan soalan 4 berdasarkan teks komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5.
4. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

---

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

**[Lihat sebelah**  
**SULIT**

**1103/2**

**Soalan 1 : Rumusan**  
**[30 markah]**

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian buat satu rumusan tentang **usaha-usaha membudayakan amalan berbudi bahasa dalam kalangan masyarakat dan kekangan-kekangannya**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Di Malaysia, dewasa ini kita menghadapi satu senario, iaitu sifat-sifat luhur dan kesantunan budi bahasa yang dulu menjadi kebanggaan masyarakat Malaysia semakin terhakis. Ungkapan infrastuktur kelas pertama dan mentaliti kelas ketiga tepat menggambarkan kerisauan masyarakat Malaysia tentang keadaan negara pada masa ini. Ekoran itu, kerajaan telah mengorak langkah yang bijaksana, iaitu pada 11 Januari 2005, Perdana Menteri Malaysia telah melancarkan Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni Peringkat Kebangsaan. Kempen ini dijalankan bagi tempoh masa lima tahun dari tahun 2005 hingga tahun 2010. Perdana Menteri menyatakan bahawa sebelum amalan ini terhakis seharusnya peranan sendiri, keluarga, dan masyarakat amat penting untuk membugarkan budaya berbudi bahasa.

Peranan institusi keluarga tidak boleh dikesisikan. Para ibu bapa tidak harus mengambil *sikap bona tidak bona* apabila memberi didikan kepada anak-anak. Ibu bapa harus menyemai sikap berbudi bahasa yang tinggi kepada anak-anak kesayangan mereka kerana "bagaimana acuan begitulah kuihnya, bagaimana contoh begitulah gubahannya". Hal ini kerana remaja sering dikaitkan dengan gejala sosial seperti pergaulan bebas, lepak, lumba haram dan sebagainya. Perlakuan mereka sudah melanggar adat dan tatasusila yang menjadi norma dalam masyarakat. Pada masa inilah masyarakat harus mempunyai swadaya untuk menegur pelakuan remaja dengan cara berhemah agar mereka dapat menerima teguran dengan sebaik-sebaiknya.

Sebaliknya, masyarakat hari ini lebih menekankan aspek materialisme, sekali gus meminggirkan nilai moral seperti berbudi bahasa. Ibu bapa dan guru-guru haruslah berganding bahu dengan masyarakat untuk sama-sama memainkan peranan membentuk peribadi anak-anak kerana remaja diibaratkan seperti sehelai kain putih yang mudah menerima dan seterusnya mengamalkan nilai budi bahasa yang terpuji. Dalam kehidupan bermasyarakat, para remaja perlu sentiasa menggunakan tutur kata yang sopan, mempunyai fiil yang halus dan budi pekerti yang mulia, bertegur sapa, sedia memohon maaf, membiasakan diri memberi salam atau ucap selamat dan bantu-membantu ibarat "berat sama dipikul, ringan sama dijinjing".

Selain itu, institusi pendidikan formal, iaitu sekolah bertanggungjawab untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Tugas guru pula semakin mencabar bukan sahaja menghabiskan sukatan pelajaran, malah guru harus menjadi suri teladan kepada anak didik mereka. Jadi, warga pendidik harus menggunakan bahasa yang sopan apabila

1103/2

[Lihat sebelah  
SULIT]

berinteraksi dengan pelajar. Tugas ini haruslah disambut baik oleh para pendidik kendatipun mereka menanggung beban tugas yang banyak. Seterusnya, masyarakat menyambut baik jika syarikat pengangkutan awam seperti bas, teksi, monorel, dan LRT menggunakan kenderaan mereka sebagai platform untuk mendidik masyarakat ke arah merealisasikan nilai-nilai berbudi bahasa dengan melekatkan pelbagai iklan dan cogan kata pada kenderaan awam. Hal ini demikian kerana pembangunan fizikal seharusnya seiring dengan pembangunan insan.

Sebagai konklusi, masyarakat yang maju tanpa nilai-nilai moral, khususnya budi bahasa dapat diibaratkan seperti seorang manusia tanpa roh. Kita tidak mahu generasi akan datang menjadi masyarakat yang tidak berbudi bahasa dan lupa akan adat yang selama ini diamalkan oleh masyarakat Melayu. Semua pihak harus menggembelngkan tenaga bersama-sama menyahut kempen kerajaan agar amalan berbudi bahasa yang menjadi amalan tradisi nenek moyang kita tidak luput ditelan arus globalisasi yang begitu hebat.

(Diubahsuaikan daripada *Berbudi Bahasa Amalan Hidup Kita* oleh Tuan Jamil Tuan Muhammad .  
*Dewan Siswa, Februari 2008*)

## Soalan 2 : Pemahaman

### Soalan 2(a) Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1 di atas, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *sikap bena tidak bena*. [2 markah]
- (ii) Apakah masalah yang merisaukan masyarakat Malaysia kini dalam konteks amalan berbudi bahasa? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah implikasi yang akan dihadapi oleh masyarakat jika amalan budi bahasa terus terhakis? [4 markah]

**Soalan 2(b) Petikan Cerpen**

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Yalah, lelaki mana yang tak rasa tercabar apabila lihat wanita berjaya begitu, lebih-lebih lagi wanita itu isterinya. *Sorry Zel, aku tak bermaksud untuk merendahkan abah kau. Tapi aku fikir reputasi abah kau sebagai guru sekolah rendah tercabar apabila melihat mama kau lebih berjaya. Huh, wanita sukses dalam bidang komputer dan perniagaan. Wow, that's great enough for a woman like your mum!*"

Kembang kuncup dadaku apabila mendengar kata-kata Win, teman baik sejak kecil. Tetapi sebentar itu aku hampir terduduk apabila memikirkan sesuatu yang jahat, sesuatu yang tidak wajar, sesuatu yang menyimpang jauh daripada pemikiran luhur. Ya, adakah mama *career woman* yang sengaja mahu mengeksploitasi keintelektualannya, kebijaksanaannya, kecerdasannya, kebolehannya, kelebihannya agar abah rasa *inferior*. Yang akhirnya membuatkan mereka terpisah? Kami terpisah?

"Setiap manusia ada menyimpan ego. Tak ada kekecualian antara lelaki dan wanita." Kata-kata Win kembali menyelit. Ma ada ego? Ma hendak tunjuk egonya?

(Dipetik daripada cerpen  
*Virus Zel Untuk Abah* oleh  
Mawar Shafei dalam antologi  
*Anak Laut*, Dewan Bahasa dan  
Pustaka)

- (i) Mengapakah reputasi abah Zel tercabar mengikut fikiran Win, rakan Zel ?

[2 markah]

- (ii) Sekiranya anda Zel, apakah langkah-langkah yang akan anda lakukan untuk menyatukan ayah dan ibu anda yang telah berpisah.

[3 markah]

- (iii) Huraikan satu persoalan daripada petikan cerpen dan satu persoalan daripada keseluruhan cerpen.

[4 markah]

**Soalan 2(c) Petikan Prosa Klasik**

*Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Apabila Laksamana jauhlah daripada Sita Dewi dan tiadalah kedengaran bunyinya lagi. Maka Maharaja Rawana pun datang merupakan dirinya seperti Brahman. Maka lalu berdiri di hadapan Sita Dewi maka kata Maharaja Rawana, "Hai menantu Maharaja Dasarata, *beri apalah akan sesuatu anugerahmu!*" Maka kata Sita Dewi, "Hai Brahman, satu pun tiada ada pada hamba hanya bunga pada tangan hamba inilah ada!" Maka kata Brahman itu, "Hai puteri Sita Dewi, barang yang kau anugerahkan akan aku ambil!" Mendengar kata demikian maka Sita Dewi pun mengunjukkan bunga itu kepada Brahman. Maka Brahman pun berkata, "Hai Sita Dewi, tiada hamba dapat melangkah guris ini jikalau ada kerana kasih tuan hamba unjukanlah sendiri kepada tangan hamba!" Maka Sita Dewi pun turun dari rumahnya ke tanah. Maka kata Brahman, "Ya Tuanku Tuan Puteri, hamba tiada dapat melangkah guris ini unjukanlah, berdiri di dalam guris itu." Maka tangannya keluar mengunjukkan bunga itu kepada Brahman baharu Sita Dewi mengunjukkan bunga itu keluar guris itu maka ditangkapnya oleh Brahman itu tangan Sita Dewi. Maka lalu dibawanya terbang ke udara kepada rata itu maka dinaikannya ke atas rata itu. Maka ia pun naiklah sama-sama dengan Sita Dewi.

(Dipetik daripada  
*Sikap Terburu-buru Membawa  
Padah* dalam antologi *Anak Laut*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *beri apalah akan sesuatu anugerahmu* berdasarkan petikan di atas?  
[2 markah]
- (ii) Nyatakan peristiwa yang terjadi apabila Sita Dewi menghulurkan bunga kepada Brahman.  
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu anda ambil supaya anda tidak mudah terpedaya ?  
[3 markah]

**SULIT**

6

1103/2

**Soalan 2(d) Puisi**

*Baca sajak di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**DI RUANG GEMANYA**

Telah kurangkumkan rebah setiaku  
pada setiap pilu dan rindu  
melayang dan mengembang  
ke hayat gemilang. Sejak itu  
tidak kukesal lagi  
goda dan duga  
di gerimis senja.

*Telah kupahatkan lelah umurku  
pada setiap kerikil dan debu  
datang dan menghilang  
ke hujung kenang. Sesudah itu  
tidak kukenal lagi  
hampa dan derita  
di guruh pagi.*

Gerimis senja guruh pagi  
adalah titipan maya  
bakal kukongsikan hati  
mengukir tadbir di ruang gemanya.

Dharmawijaya  
Antologi *Kerusi*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Berikan maksud ungkapan

*Telah kupahatkan lelah umurku  
pada setiap kerikil dan debu*

[2 markah]

- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu cekal menghadapi penderitaan hidup?

[3 markah]

- (iii) Huraikan dua nilai yang terdapat dalam sajak di atas.

[4 markah]

1103/2

[Lihat sebelah  
**SULIT**]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

*Jawab semua soalan*

(a) *Tulis satu ayat daripada perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan, menggunakan perkataan sebagai peribahasa dan nama khas.*

- (i) iltizam
- (ii) ikhlas
- (iii) ilham
- (iv) takziah
- (v) tarbiah
- (vi) takwim

[6 markah]

(b) *Tulis ayat-ayat di bawah ini semula supaya menjadi tiga ayat sahaja tanpa mengubah maksud asal ayat-ayat tersebut.*

Lading ialah senjata pendek yang mempunyai mata lurus dan tirus ke hujung. Kedua-dua sisinya tajam dan bertulang di tengah. Mata lading diperbuat daripada besi. Mata lading ditempa mengikut teknik yang sama seperti membentuk mata keris. Kebanyakan hulu dan sarung lading diperbuat daripada kayu kemuning. Kayu ini dapat memperlihatkan urat-urat atau lapisan kayu apabila dilicin atau digilap.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat dua kesalahan penggunaan ejaan dan imbuhan. Kenal pasti kesalahan-kesalahan itu dan betulkannya dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

- (i) Sifat memelayukan tidak hilang dalam dirinya biar pun telah lama berada di luar negara.
- (ii) Peniaga kueh-mueh itu berhujan apabila hujan turun dengan lebatnya petang semalam.
- (iii) Saya terpaksa mententeramkan adik kerana tidak sampai hati melihatnya menangis terisak-isak.

[6 markah]

(d) *Dalam ayat-ayat di bawah terdapat kesalahan penggunaan kata atau istilah atau bahasa. Kenal pasti kesalahan-kesalahan itu dan betulkannya dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

- (i) Antara faktor-faktor penonton merempuh ketika perlawanan bola sepak semalam ialah ketidakcekapan pengadil.
- (ii) Pada masa kini ramai kanak-kanak lebih gemar melihat televisyen daripada membaca buku.
- (iii) Pegawai-pegawai yang terlibat sebagai urusetia perlu mengamalkan sikap saling hormat-menghormati supaya segala program yang dirancang berjalan lancar.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti kemudian berikan peribahasa yang bersesuaian dengan ayat-ayat tersebut*

1. Saya selalu menziarahinya apabila saya ke Indonesia kerana kami mempunyai pertalian saudara jauh.
2. Teguran yang disampaikan oleh guru itu berjaya menginsafkan para pelajar dan mereka menerima nasihat yang baik itu dengan penuh kesedaran.
3. Para petugas di syarikat itu dapat menyelesaikan tugas yang diarahkan sekalipun kerja itu sukar kerana prinsip mereka apabila mengerjakan sesuatu yang sukar hendaklah sabar sehingga mencapai kejayaan.

[6 markah]

**Soalan 4 : Novel****[15 markah]**

*Jawab soalan di bawah. Jawapan anda hendaklah berdasarkan satu daripada novel yang berikut:*

- (i) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusuf
- (ii) Julia karya Abu Hassan Morad

- (a) Kejutan ialah salah satu teknik yang digunakan oleh pengarang dalam sesebuah novel untuk menarik minat pembaca. Berdasarkan salah satu novel yang anda pelajari, berikan empat peristiwa berunsur kejutan.

**[7 markah]**

- (b) Bincangkan sifat gigih yang ada pada kedua-dua watak utama dalam dua buah novel yang anda pelajari dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai.

**[8 markah ]****KERTAS SOALAN TAMAT**

**SULIT**  
**1103/1(PP)**  
**Bahasa**  
**Melayu**  
**Kertas 1**  
**Peraturan**  
**Pemarkahan**  
**September**  
**2008**

**1103/1(PP)**

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA**  
**SEKOLAH MENENGAH**  
**NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2008**

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

**PERATURAN PEMARKAHAN**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**1103/1**

**[Lihat sebelah**  
**SULIT**

SULIT

1103/1(PP)

**Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan  
(30 markah)**

**KRITERIA PENSKORAN**

<b>PERINGKAT</b>	<b>MARKAH</b>	<b>KRITERIA</b>
Cemerlang	26 – 30  (28 – 30)  (26 – 27)	- <b>menepati</b> tema bahan rangsangan - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan tanda baca betul dan <b>tepat</b> - penggunaan kosa kata luas dan tepat - wacana lengkap, unsur bahasa bervariasi dan menggunakan <b>ungkapan yang menarik</b> - idea relevan, huraian jelas dan <b>matang</b>
Baik	20 – 25  (23 – 25)  (20 – 22)	- <b>menepati</b> tema bahan rangsangan - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan tanda baca betul dan tepat - penggunaan kosa kata luas - wacana lengkap, unsur bahasa bervariasi - idea relevan, huraian jelas
Memuaskan	15 – 19  (17 – 19)  (15 – 16)	- <b>masih</b> menepati tema bahan rangsangan - bahasa <b>masih</b> gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan tanda baca <b>masih</b> betul dan tepat - penggunaan kosa kata umum - wacana <b>masih</b> lengkap, unsur bahasa masih bervariasi - idea <b>masih</b> relevan, huraian <b>masih</b> jelas
Kurang Memuaskan	10 -14  (12 – 14)  (10 – 11)	- <b>masih/kurang</b> menepati tema bahan rangsangan - bahasa <b>kurang</b> gramatis dari segi kata dan ayat - <b>kesalahan tatabahasa/ejaan ketara</b> - penggunaan kosa kata terhad - wacana <b>kurang</b> lengkap, unsur bahasa kurang bervariasi - idea <b>masih/kurang</b> relevan, huraian <b>masih/kurang</b> jelas
Pencapaian Minimum	01 – 09  (06 – 09)  (01 – 05)	- murid <b>tidak</b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis  - murid <b>tidak</b> memahami tema bahan rangsangan  - idea <b>tidak</b> menepati tema bahan rangsangan

1103/1

[Lihat sebelah  
SULIT

**Bahagian B : Karangan Respons Terbuka (100 markah)**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<i>CEMERLANG</i>	<b>80 – 100</b> (90 – 100) (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang luas dan tepat.</li> <li>• Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang betul.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> sesuai dengan tugas</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> yang luas dan tepat.</li> <li>• <b>Idea yang relevan</b> mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan serta pemerenggan yang sesuai.</li> <li>• <b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa yang bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul>
<i>KEPUJIAN</i>	<b>66 – 79</b> (73 – 79) (66 – 72)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang luas dan tepat</li> <li>• Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang betul.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> sesuai dengan tugas</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> yang luas dan tepat.</li> <li>• <b>Idea yang relevan</b> mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan serta pemerenggan yang sesuai.</li> <li>• <b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa masih bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa masih menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul>

SULIT

1103/1(PP)

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<i>BAIK</i>	<b>51 – 65</b> (58 – 65) (51 – 57)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang sesuai.</li> <li>• Penggunaan ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> masih betul.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> sesuai dengan tugasan.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> umum.</li> <li>• <b>Idea masih relevan</b> mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> masih menarik, dan pemerenggan masih sesuai.</li> <li>• <b>Wacana</b> masih lengkap.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa masih bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.</li> </ul>
<i>MEMUASKAN</i>	<b>36 – 50</b> (43 – 50) (36 – 42)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> terhad.</li> <li>• Ayat kurang gramatis.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> kurang sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> umum dan terhad.</li> <li>• <b>Idea masih relevan</b> dengan tugasan, huraian isi kurang jelas, contoh kurang sesuai.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> kurang menarik dan pemerenggan kurang sesuai.</li> <li>• <b>Wacana</b> masih / kurang lengkap.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa kurang bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang sesuai.</li> </ul>

1103/1

[Lihat sebelah  
SULIT

**SULIT**

1103/1(PP)

<b>PERINGKAT</b>	<b>MARKAH</b>	<b>KRITERIA</b>
<i>KURANG MEMUASKAN</i>	<b>21 – 35</b> (28 – 35) (21 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>kata kurang tepat</b>.</li> <li>• Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami.</li> <li>• Terdapat kesalahan <b>ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang ketara.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> umum dan terhad.</li> <li>• <b>Idea masih relevan</b> / bercampur aduk dan huraian tidak jelas, contoh tidak sesuai.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li>• <b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa tidak bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah.</li> </ul>
<i>PENCAPAIAN MINIMUM</i>	<b>20</b> (11 – 20) (01 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keseluruhan menunjukkan penggunaan <b>kata</b> dan <b>ayat tidak gramatis</b>.</li> <li>• Kesalahan <b>ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang ketara.</li> <li>• <b>Idea</b> bercampur aduk dan huraian tidak jelas dan contoh tidak sesuai.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li>• <b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak sesuai.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik.</li> <li>• <b>Keseluruhan karangan</b> sukar / <b>tidak difahami</b>.</li> </ul>

1103/1

[Lihat sebelah  
SULIT

**SULIT  
1103/2(PP)  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 2  
Peraturan  
Pemarkahan  
September  
2008**

**1103/2(PP)**

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2008**

---

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**PERATURAN PEMARKAHAN**

---

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**Markah penuh : 110 markah**

**Soalan 1**

Markah penuh 30 dibahagikan kepada:

- a. Isi - 20 markah
- b. Bahasa - 10 markah

(a) **Isi** [ 20 markah]

**Nota:**

(i) Panduan mengira perkataan:

- a. Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan.
  - 1. Nama khas
  - 2. Perkataan berulang
  - 3. Penggunaan kata depan
  - 4. Tarikh
  - 5. Angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 perkataan** sahaja sebelum periksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

<b>Bahagian</b>	<b>Markah</b>									<b>Markah</b>
Pendahuluan										<b>2</b>
Isi tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	<b>16</b>
Isi tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
Penutup/Kesimpulan										<b>2</b>
<b>Jumlah markah</b>										<b>20</b>

**Pendahuluan/Pengenalan** [2 markah]

Petikan membincangkan inisiatif membudayakan amalan berbudi bahasa dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

Atau

Petikan membincangkan langkah-langkah membudayakan amalan berbudi bahasa dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

**Isi tersurat** [4 - 12 markah]**Markah**

1. Ibu bapa harus mengambil sikap bersungguh-sungguh/tidak harus mengambil sikap benar tidak benar apabila memberi pendidikan kepada anak-anak. - 2
2. Ibu bapa harus menyemai sikap berbudi bahasa yang tinggi kepada anak-anak mereka. - 2
3. Masyarakat harus mempunyai swadaya/keupayaan sendiri untuk menegur perlakuan remaja dengan cara berhemah. - 2
4. Ibu bapa dan guru-guru harus berganding bahu dengan masyarakat memainkan peranan membentuk peribadi anak-anak. - 2
5. Para remaja perlu sentiasa menggunakan tutur kata yang sopan/mengamalkan fiil yang halus/berbudi pekerti yang mulia/bertegur sapa/bersedia memohon maaf/membiasakan diri memberi salam atau ucap selamat/saling membantu. - 2
6. Syarikat-syarikat pengangkutan awam disaran melekatkan pelbagai iklan dan cogan kata yang berkaitan dengan nilai-nilai berbudi bahasa pada kenderaan awam mereka. - 2
7. Guru-guru harus menggunakan bahasa yang sopan/ menjadi suri teladan kepada anak didik apabila mereka berinteraksi dengan pelajar. - 2

**Isi tersirat** [4 - 12 markah]**Markah**

1. Sikap kebanyakan ibu bapa tidak mengamalkan nilai-nilai berbudi bahasa dalam keluarga. - 2
2. Sikap masyarakat terlalu individualistik/kurang berinteraksi/sibuk/ tidak mempedulikan hal-hal kejiwaan/kemasyarakatan. - 2
3. Sikap remaja yang terpengaruh/terdedah kepada unsur-unsur/gejala negatif melalui media. - 2
4. Kempen-kempen penerapan nilai-nilai berbudi bahasa kurang mendapat sambutan. - 2
5. Pengaruh budaya liar kian cepat/hebat menular dalam masyarakat. - 2

**Kesimpulan** [2 markah]

1. Semua pihak harus memberi sokongan untuk membudayakan amalan berbudi bahasa agar identiti/ jati diri bangsa tidak hilang dibawa arus globalisasi/kemajuan jagatraya.

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada setengah markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut.

Peringkat	Markah isi	Markah Bahasa	Huraian
<b>Baik</b>	18 - 20	9 - 10	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik
	15 - 17	7 - 9	- Kosa kata luas - Tanda baca/ejaan betul.
<b>Sederhana</b>	12 - 14	6 - 7	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan
	8 - 11	4 - 6	- Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca/ejaan masih memuaskan
<b>Lemah</b>	1 - 7	1 - 4	- Pada keseluruhannya serba kekurangan/ tidak memuaskan

**Nota:**

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, **berikan 0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa **maksimum : 10 markah**]

## Soalan 2

Markah penuh - 35 markah dibahagikan kepada:

- 2(a) : 9 markah  
 2(b) : 9 markah  
 2(c) : 8 markah  
 2(d) : 9 markah

## Perhatian bagi soalan 2(a) hingga 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/semurna**
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks, dan jawapan itu **tepat/betul**, berikan separuh (50%) daripada **markah yang diperuntukkan** sahaja.

## Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

## 1. Soalan 2 markah

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

## 2. Soalan 3 markah

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan relevan tetapi ayat kurang gramatis - Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

## 3. Soalan 4 markah

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

**Soalan 2 (a) : Petikan Umum****Markah****(i) Maksud**

- Berkelakuan/berlagak/berpendirian sambil lewa/tidak bersungguh-sungguh/acuh tidak acuh

**[maksimum: 2 markah]****(ii) Perkara yang merisaukan masyarakat Malaysia**

- Sifat-sifat luhur masyarakat semakin terhakis **1**
- Kesantunan budi bahasa semakin terhakis **1**
- Mentaliti rakyat masih kelas ketiga **1**

**[maksimum: 3 markah]****(iii) Implikasi**

- Masyarakat bersifat individualistik **1**
- Masyarakat bersifat materialistik **1**
- Masyarakat semakin ego **1**
- Identiti/Jati diri masyarakat semakin luntur **1**
- Wujud banyak sindrom negatif/masalah sosial **1**
- Hilang sifat keprihatinan masyarakat **1**
- Hilang sifat toleransi **1**
- Hilang rasa hormat-menghormati **1**
- Hilang amalan kejiwaan **1**

**[maksimum: 4 markah]**

<b>Soalan 2(b) : Petikan Cerpen</b>	<b>Markah</b>
(i) Sebab	
- Ibu Zel lebih berjaya berbanding ayah Zel	1
- Ayah Zel hanya guru sekolah rendah	1
- Ibu Zel berjaya dalam bidang komputer dan perniagaan	1
<b>[maksimum: 2 markah]</b>	
(ii) Langkah-langkah yang akan diambil	
- Menyatakan anda perlukan kasih sayang/perhatian	1
- Memaklumkan ibu/ayah anda bahawa mereka saling memerlukan	1
- Menyatakan anda tertekan kerana perpisahan mereka	1
- Menyatakan anda terlalu sayang kepada mereka	1
- Menyatakan anda tidak boleh hidup tanpa mereka	1
<b>[maksimum : 3 markah]</b>	
(iii) Persoalan	
<b>Satu</b> persoalan daripada petikan	
- kejayaan wanita dalam bidang perniagaan Contoh : Ibu Zel berjaya dalam perniagaan	1 + 1
- keegoan lelaki Contoh : Ayah Zel berasa tercabar apabila ibu Zel lebih berjaya dalam kerjayanya	1 + 1
- dilema anak yang kedua-dua ibu bapanya bercerai Contoh : Zel keliru tentang punca perceraian ibu bapanya	1 + 1
<b>Satu</b> persoalan daripada keseluruhan cerpen	
- Kasih sayang Contoh : Zel tidak memasukkan virus untuk memusnahkan program bapanya, ZQ1308	1 + 1
- Kegigihan ibu tunggal Contoh : Ibu Zel gigih mendidik anak dan berjaya dalam perniagaan tanpa bantuan suami	1 + 1
- Setiakawan Contoh : Win sanggup bersusah payah bersama Zel	1 + 1
<b>[maksimum: 4 markah]</b>	

<b>Soalan 2(c) : Petikan Prosa Klasik</b>		<b>Markah</b>
(i)	Maksud	
	Menghulurkan sesuatu barang yang ada pada Sita Dewi kepada Rawana	<b>1</b>
	Mengunjukkan sesuatu benda yang ada pada Sita Dewi kepada Rawana	<b>1</b>
		<b>[maksimum: 2 markah]</b>
(ii)	Peristiwa-peristiwa yang terjadi	
	- Sita Dewi ditangkap oleh Rawana	<b>1</b>
	- Dinaikkan ke atas rata/kenderaan bersama-sama Rawana	<b>1</b>
	- Kemudian diterbangkan ke udara	<b>1</b>
		<b>[maksimum: 3 markah]</b>
(iii)	Langkah-langkah	
	- mengenal pasti orang yang tidak dikenali melalui pengenalan diri	<b>1</b>
	- tidak melayan percakapannya	<b>1</b>
	- melarikan diri	<b>1</b>
	- bertanya kepada orang lain	<b>1</b>
	- tidak terkeliru dengan tawaran yang dikemukakan	<b>1</b>
		<b>[maksimum: 3 markah]</b>

**2(d) : Sajak****Markah**

- (i) **Maksud**
- Penyajak telah mengabadikan sebahagian usianya pada setiap kesusahan/cabaran dalam kehidupannya. **2**

**[maksimum: 2 markah]**

- (ii) **sebab**
- Penderitaan merupakan asam garam kehidupan **1**
  - Penderitaan merupakan cabaran kehidupan **1**
  - Orang yang berjaya mengharung penderitaan akan berjaya dalam hidup **1**
  - Resam hidup manusia ialah susah dahulu senang kemudian **1**
  - Agama mengajar manusia supaya cekal **1**
  -

**[maksimum: 3 markah]**

- (iii) **Dua nilai**
- Setia
  - Sabar/tabah/cekal
  - Berani
  - Cinta akan negara

**[maksimum: 4 markah]**

**Soalan 3**

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada

Soalan 3(a) : **6** markah

Soalan 3(b) : **6** markah

Soalan 3(c) : **6** markah

Soalan 3(d) : **6** markah

Soalan 3(e) : **6** markah

**Perhatian bagi soalan 3(a)**

1. Berikan **1 markah** bagi setiap ayat yang betul.
2. **Tolak ½ markah** bagi kesalahan **ejaan dan jalan bahasa** untuk keseluruhan soalan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, **berikan 0 markah**.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, **berikan 0 markah**.
5. Jika memberi makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh **1 markah**.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, **tolak ½ markah** bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya..
9. Isi tidak jelas, tolak ½ markah.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah
11. Ayat yang tidak logik berikan **0 markah**

**3(a) (i) iltizam**

- (a) keterlibatan secara bersungguh-sungguh melaksanakan sesuatu
- (b) komitmen

**(ii) ikhlas**

- (a) hati suci
- (b) tidak menipu
- (c) tidak berpura-pura
- (d) hipokrit

**(iii) ilham**

- (a) petunjuk daripada Tuhan
- (b) sesuatu yang menggerakkan hati untuk menghasilkan/mencapai sesuatu

**(iv) takziah**

- (a) pernyataan turut bersedih
- (b) belasungkawa

**(v) tarbiah**

- (a) pendidikan
- (b) pengasuhan

**(vi) takwim**

- (a) daftar haribulan
- (b) kalendar

**Perhatian bagi soalan 3(b)**

1. Berikan **2 markah** bagi setiap ayat yang betul.
2. **Tolak ½ markah** bagi kesalahan **ejaan dan jalan bahasa** untuk keseluruhan ayat.
  1. Lading ialah senjata pendek yang mempunyai mata lurus dan tirus ke hujung **dengan** kedua-dua sisinya tajam dan bertulang di tengah. **2**
  2. Mata lading diperbuat daripada besi **dan** ditempa mengikut teknik yang sama seperti membentuk mata keris **2**
  3. Kebanyakan hulu dan sarung lading diperbuat daripada kayu kemuning **kerana** kayu ini dapat memperlihatkan urat-urat atau lapisan kayu apabila dilicin dan digilap. **2**

**Perhatian bagi soalan 3(c) dan 3(d)**

2. Berikan **1 markah** bagi setiap ejaan, imbuhan, penggunaan kata/istilah dan kesalahan bahasa yang betul.
3. **Tolak ½ markah** bagi kesalahan **ejaan dan jalan bahasa** untuk keseluruhan ayat.
4. Jika tidak menyalin ayat, hanya menyalin perkataan **berikan 0 markah**.

**3 (c)**

- (i) memelayukan – kemelayuan  
biar pun - biarpun
- (ii) kueh-mueh – kuih-muih  
berhujan – kehujaan
- (iii) mententeramkan – menenteramkan  
terisak-isak – teresak-esak

**3 (d)**

- (i) Antara faktor-faktor - Antara faktor  
merempuh - merusuh
- (ii) Pada masa kini – Kini/Pada masa ini  
melihat – menonton
- (iii) urusetia - urus setia  
saling hormat-menghormati - saling menghormati/hormat-menghormati

**Perhatian bagi soalan 3(e)**

1. Berikan 2 markah bagi setiap peribahasa dengan betul
2. **Tolak** ½ **markah** bagi kesalahan **ejaan** untuk keseluruhan peribahasa.

- (i) Bau-bau bacang
- (ii) Bagai menelan mestika embun
- (iii) Genggam bara api biar sampai jadi arang/menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan

**Soalan 4**

Markah penuh 15 markah.

**Panduan pemarkahan bagi soalan 4**

- (a) (i) Jawapan berdasarkan satu daripada novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap
- (iii) Berikan **1 markah** untuk **1 peristiwa yang lengkap/jelas**.
- (iv) Markah **isi maksimum 4 markah**
- (v) Markah bahasa diberikan secara 'impression'
  - Baik = 3 markah
  - Sederhana = 2 markah
  - Lemah = 1 markah
- (vi) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa
- (vii) Calon tidak menjawab 0 markah

**[Maksimum: 7 markah]**

- (b) (i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap
- (iii) Berikan **1 markah** untuk contoh yang dihuraikan dengan **lengkap** dalam setiap novel.
- (iii) Huraian tanpa menyatakan sifat gigih berikan 0 markah
- (iv) Markah **isi maksimum 6 markah** (maksimum 3 markah bagi setiap novel)
- (v) Markah **bahasa maksimum 2 markah**
- (vi) Markah bahasa diberikan secara 'impression'
  - Baik = 2 markah
  - Lemah = 1 markah
- (vii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa
- (viii) Calon tidak menjawab 0 markah

**[Maksimum : 8 markah]**

**Soalan 4:**

**Markah**

**4(a) Perlumbaan Kedua**

Peristiwa

- i) Tuk Kura terkejut apabila Sang Kancil meyampaikan hasrat Sang Arnab Putih untuk berlumba kali kedua.
- ii) Anak-anak buah Tuk Kura sanggup menyeksa Tuk Kura semasa latihan.
- iii) Tuk Kura muncul secara tiba-tiba di tempat perlumbaan.
- iv) Tuk Kura melambung diri dari puncak bukit untuk memenangi perlumbaan.

**Julia**

## Peristiwa

- i) Ibu bapa Julia menghantar Julia belajar di HIC Australia dalam bidang agama.
- ii) Julia menerima berita kematian ibu bapanya akibat kemalangan jalan raya semasa belajar di Australia.
- iii) Kemunculan Rashid ke rumah Julia dan mengugut Julia.
- iv) Julia melihat Jun berpakaian baju Melayu ketika Julia bersama adik-adiknya menziarahi pusara ibu bapanya.
- v) Jun mendedahkan dirinya sudah memeluk agama Islam.
- vi) Jun bersedia melamar Julia sebagai isteri.

**NOTA: Terima mana-mana empat peristiwa .**

**Bahasa : 3 markah**

**4(b) Perlumbaan Kedua****Tuk Kura**

- i) sanggup berjalan jauh untuk bertemu Sang Arnab Putih di padang tembusu
- ii) melatih anak-anak buah sehingga dia didera
- iii) sanggup menjadi peserta perlumbaan walaupun usia sudah tua
- iv) sanggup menyakitkan diri sendiri ketika melantun di atas batu ketika perlumbaan

**Julia**

- i) sanggup belajar agama di luar negara walaupun bidang itu bukan pilihannya
- ii) belajar mengurus syarikat walaupun tiada pengalaman/syarikat menghadapi pelbagai masalah
- iii) berani menghadapi karenah Syed Mustafa yang tamak/ingin membolot butik BMPRO
- iv) sanggup berusaha untuk menjayakan projek homestay/ bekerjasama dengan keluarga Jun

- **Markah isi = 6 markah**
- **Bahasa 2 markah**

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

